

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang 1987/88

HMA 101 - Pengantar Pengajian Bahasa Malaysia

Tarikh: 13 April 1988

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tengahari  
(3 jam)

Jawab **SEMUA** soalan (10 Soalan). Jawapan mestilah ringkas, analitikal, tepat dan bernalas. Gunakan muka surat baru bagi tiap-tiap soalan dan tulis nombor soalan tersebut di bahagian atas kertas jawapan. Jangan lupa menulis nombor soalan 1 hingga 10 sama ada soalan tersebut dijawab atau tidak; pada muka hadapan kertas jawapan.

1. Nyatakan prinsip R.H. Robin (1964) tentang pengkajian bahasa secara saintifik. Berikan huraihan ringkas bagi setiap prinsip tersebut.
  
2. Dewan Bahasa dan Pustaka dibentuk pada tahun 1959. Apakah tujuan utama pembentukan institusi tersebut dan adakah tujuan itu tercapai kini?
  
3. Lukislah gambarajah organ sebutan bagi menghasilkan bunyi:
  - (a) g
  - (b) n
  - (c) o
  
4. Tuliskan transkripsi fonetik bagi perkataan berikut ini:

(a) gagak [gagak']	(f) peka [peka]
(b) murai [murai]	(g) menyukai [menyukai]
(c) baiah [bayiah]	(h) sanggup [sanggup']
(d) mawas [mawas]	(i) menguasai [menguasai]
(e) puas [puwas]	(j) lengkap [lengkap']

.../2

5. Perlihatkan proses morfofonem yang berlaku apabila morfem terikat peN-... diimbuhkan dengan morfem bebas berikut ini:
- |            |              |
|------------|--------------|
| (a) bom    | (f) terjemah |
| (b) gam    | (g) sapu     |
| (c) fikir  | (h) standard |
| (d) fitnah | (i) kayuh    |
| (e) tulis  | (j) kedai    |
6. Kemukakan penjenisan ayat menurut Abdullah Hassan yang terdapat di dalam Linguistik Am untuk Guru Bahasa Malaysia, dan berikan contoh ayat yang sesuai bagi tiap-tiap jenis [masing-masing tiga(3) ayat].
7. Abdullah Hassan (1980) telah mengemukakan pola ayat yang baru bagi ayat selapis di dalam bahasa Malaysia, iaitu: Ada + Kata Nama + Kata Keterangan Tempat + (Kata Keterangan Waktu).
- Berikan satu(1) contoh ayat berdasarkan pola tersebut dan nyatakan pendapat anda sama ada bersetuju atau tidak terhadap rumus tersebut.
8. Perhatikan ayat berikut ini:
- Ayam itu sudah kutangkap
- (a) Silalah lukis rajah pohon Ayat Dasar bagi ayat tersebut.
- (b) Berilah keterangan perubahan yang berlaku daripada Struktur Dalam hingga ke Struktur Luar (Gunakan satu rajah pohon sahaja).
9. Lukislah rajah segitiga semiotik yang dikemukakan oleh C.K. Ogden dan I.A. Richards (1923/1947) dan berilahuraian mengenainya.
10. Nyatakan beberapa faktor yang membantu pembelajaran bahasa kedua dan huraikan.